

TAKTIK PAS DIKECAM

KUALA LUMPUR: Umno pernah mempelawa Pas untuk bermusyawarah bagi menyelesaikan beberapa masalah agama, tetapi ditolak dengan alasan kononnya Umno bukan parti Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Hanya Pas tidak mengiktiraf sumbangan dan perjuangan menegakkan Islam yang dilakukan oleh Umno sedangkan dunia luar, termasuk banyak negara Islam, sudah lama berbuat demikian," kata Presiden Umno.

"Baru-baru ini saya menawarkan kerjasama dalam bidang agama tetapi Pas mendakwa kita tidak mengikut ajaran Islam. Hanya apabila kononnya kita mengikut ajaran Islam, baru Pas sanggup bekerjasama.

"Secara tidak langsung Pas mengatakan Umno tidak Islam," katanya ketika menjawab soalan pemberita selepas hari kedua Perhimpunan Agung Umno ke-38 ditangguhkan petang semalam. Perhimpunan Agung Umno disambung semula hari ini.

Perdana Menteri berkata, keengganan Pas menerima perjuangan Umno yang berlandaskan Islam adalah semata-mata kerana kepentingan politik pemimpin parti berkenaan.

Menurutnya, usaha kerajaan menerusi Umno untuk melaksanakan pelbagai program yang berlandaskan Islam bukan saja diiktiraf oleh negara luar, malah banyak negara mahu mencontohinya.

"Dunia Islam mengiktiraf dan menerima Umno, hanya Pas saja menolak kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno sudah beberapa kali cuba menawarkan penyelesaian untuk menjalinkan hubungan baik dengan Pas tetapi ia gagal kerana sikap Pas sendiri.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata musyawarah di antara Umno dan Pas untuk menyelesaikan masalah berhubung perbezaan perjuangan politik, tidak mungkin boleh diadakan selagi Pas terus mengenakan syarat.

"Kita sudah mencuba termasuk menerima Pas menjadi anggota komponen Barisan Nasional (BN) tetapi ia berbuat lain daripada parti komponen BN yang lain.

Beliau juga terkejut dengan pendedahan wakil Pergerakan Pemuda Umno, Zuber Embong, berhubung kenyataan pemimpin Pas, Abdul Hadi Awang dalam bukunya 'Kemestian Penyelesaian Menurut Islam.'

"Hadi menegaskan manusia tidak boleh menghalang permusuhan dan perbalahan sesama manusia kerana ia bertentangan dengan tabie manusia. Ini nampaknya menafikan turunnya Nabi Muhammad s.a.w untuk membawa keamanan kepada dunia," katanya.

Membahaskan usul agama, Zuber berkata kenyataan Abdul Hadi dalam buku itu jelas menunjukkan Pas menganjurkan kepada perpecahan.

Menurutnya, sikap terbuka pemimpin Umno untuk menyatupadukan umat Islam dan mengelakkan perpecahan adalah lebih baik daripada pemimpin Pas yang mengaku diri mereka ulama yang memperjuangkan Islam.

Sementara itu, perwakilan Umno yang membahaskan usul yang sama, menyelar tindakan Pas yang terang-terang menggunakan Islam untuk kepentingan politik, terutama menyalahafsirkan al-Quran dan hadis mengikut selera sendiri.

Wakil Umno Kelantan, Zayadi Awang Noh, meminta Dr Mahathir selaku Menteri Dalam Negeri menimbang kemungkinan menghamkan penggunaan unsur keagamaan dalam parti politik sebagai langkah memastikan keharmonian masyarakat di negara ini.

Menurutnya, tindakan tegas perlu diambil agar Pas tidak terus menyalahgunakan Islam dalam ceramah mereka.

"Di tengah kehebatan pembangunan negara, kita masih menghadapi daki politik khususnya dari Pas dan Semangat 46. Isu Pas bukan isu daerah di Kelantan... ia adalah isu nasional dan sebarang perkara membabitkan akidah Islamiah perlu diambil kira oleh kerajaan," katanya.

Menurutnya, jika penggunaan Islam dalam Pas itu terus dibenarkan, ia boleh menyebabkan wujudnya parti politik yang mengguna-

kan tema keagamaan di negara ini dan seterusnya menjejaskan keharmonian negara.

Wakil Umno Kedah, Abdul Manaf Ahmad, berkata, ahli Umno kini perlu menangani dakyah Pas melalui sudut akidah dan agama bukan politik semata-mata kerana bimbang umat Islam terpesong.

"Penyelewengan yang dilaksanakan Pas memerlukan campur tangan pihak berkuasa agama. Tindakan mereka bukan sahaja merosakkan akidah umat Islam malah mengelirukan penganut agama lain.

"Apakah dakwaan Pas itu Islam

dan Islam itu Pas belum cukup membenarkan pihak berkuasa agama bertindak? Inilah persoalan yang harus dikupas dan ditangani sebaik mungkin.

"Lebih buruk lagi, Pas menuduh umat Islam yang tidak menyertai mereka, sebagai kafir. Jika ini dibiarkan, bermakna Pas mempunyai keistihewaan memfitnah, mengkafir serta menyebarkan dakyah tanpa sekatan dan halangan undang-undang," katanya.

Wakil Umno Baling, Kedah, Nakhaie Ahmad, berkata pendirian serta corak perjuangan Pas adalah gambaran golongan jumud yang

berfikiran sempit, dangkal serta tertutup.

"Pemikiran seumpama itu bertambah buruk apabila ia diterjemahkan dalam tindak-tanduk mereka mengkafirkan ahli Umno, memfitnah serta menyebarkan pelbagai dakwaan palsu.

"Oleh itu, pendirian saya keluar daripada parti itu dan menyertai Umno berpunca daripada gejala seumpama ini.

"Pandangan yang terbuka dan membina kerap-kali ditolak oleh pemimpin yang berkepentingan peribadi," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Dr Abdul Hamid Othman menyifatkan perbahasan kali ini banyak menyentuh soal perpaduan dan perpecahan umat Islam.

Menurutnya, perbahasan juga banyak menyentuh persoalan minda umat Islam serta memfokuskan kepada persoalan mengatasi perbalahan yang wujud sejak sekian lama.

"Sekiranya masalah minda dan kekeliruan umat Islam ini dapat diselesaikan, perancangan lain untuk kemajuan umat Islam menjadi mudah.

"Perbahasan ini banyak memfokuskan tafsiran salah umat Islam yang menyebabkan perpecahan dan ia perlu dielakkan bagi mengatasi keruntuhan imej buruk pada umat Islam," katanya.

Veteran Umno, Tengku Ahmad Rithauddeen, berkata masyarakat Islam di negara ini tidak harus dibiarkan berpecah-belah disebabkan oleh tindakan golongan yang hanya mementingkan diri mereka sendiri.